

NILAI TELADAN IBU BAPA DALAM PEMBENTUKAN ANAK-ANAK CINTA MASJID

**Safinah Ismail¹, Abur Hamdi Usman¹, Rosmawati Mohamad Rasit²,
Zulkefli Aini², Mariam Abd. Majid¹, Abdul Wahab Md. Ali³, Siti
Khaulah Mohd Hamzah Murghayah¹**

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bandar Baru Bangi, Bangi, Selangor, Malaysia.

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Terengganu Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000, Dungun, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author: Safinah binti Ismail. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: safinah@uis.edu.my.

Abstrak

Nilai teladan daripada ibu bapa mempengaruhi ibadah dan akhlak anak-anak. Nilai teladan yang baik memberi kesan yang besar terhadap jiwa anak-anak. Anak-anak tidak mampu memahami kebaikan yang diajarkan sehingga mereka melihat ibu bapa mereka melakukannya. Namun begitu, realiti pada hari ini terdapat ibu bapa yang tidak menunjukkan nilai teladan yang baik kepada anak-anak. Kajian Muhamad Zaki Zainuddin (2022) mendapati amalan ibadah ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan pada tahap rendah dengan amalan ibadah pelajar ($r = 0.374$, $p < 0.01$). Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji berkaitan nilai teladan ibu bapa dalam pembentukan anak-anak cinta masjid. Metodologi bagi kajian ini adalah kajian kualitatif. Bentuk kajian ini adalah fenomenologi. Persampelan kajian adalah kepada 11 orang ibu bapa yang terpilih berdasarkan justifikasi yang telah ditetapkan. Analisis bagi data kajian ini adalah secara tematik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa nilai teladan daripada ibu amat penting dalam pembentukan anak-

anak cinta masjid kerana ibu bapa menjadi cerminan kepada anak-anak. Apabila ibu bapa sering berjamaah dan mengimarahkan masjid dan surau, anak-anak secara tidak langsung akan mengikuti apa yang dilakukan oleh ibu bapa mereka. Di samping juga, kebersamaan ibu apa yang sering ke masjid bersama akan-anak dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan. Hal ini dapat membentuk keluarga muslim yang harmoni dan dirahmati Allah SWT.

Kata kunci: Nilai Teladan, Ibu Bapa, Anak-Anak, Cinta Masjid

(THE VALUE OF PARENTS' EXAMPLES IN THE FORMATION OF CHILDREN'S LOVE OF THE MASJID)

Abstract

The exemplary values of parents influence children's worship and morals. Good role models have a great impact on children's souls. Children are not able to understand the goodness that is being taught until they see their parents doing it. However, the reality today is that there are parents who do not set a good example for their children. Muhamad Zaki Zainuddin's study (2022) found that parents' worship practices have a significant relationship at a low level with students' worship practices ($r = 0.374$, $p < 0.01$). Therefore, this study aims to examine the value of parental role models in the formation of children's love for the mosque. The methodology for this study is a qualitative study. The form of this study is phenomenology. The sampling of the study was to 11 parents who were selected based on the justification that had been set. The analysis of this research data is thematic. The findings of this study show that the value of role models from mothers is very important in the formation of children's love for the mosque because parents are a reflection of children. When parents often attend congregations and visit mosques and suraus, children will indirectly follow what their parents do. In addition, the togetherness of mothers who often go to the mosque with their children can strengthen family relationships. This can form a Muslim family that is harmonious and blessed by Allah SWT.

Keywords: Role Model, Parents, Children, Love Mosque

Received: December 30, 2023

Accepted: June 14, 2024

Online Published: June 30, 2024

1. Pengenalan

Nilai teladan daripada ibu bapa mempengaruhi ibadah dan akhlak anak-anak. Nilai teladan yang baik memberi kesan yang besar terhadap jiwa anak-anak. Anak-anak tidak mampu memahami kebaikan yang diajarkan sehingga mereka melihat ibu bapa mereka melakukannya. Dalam kajian ini dibincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Seterusnya dapatan bagi kajian ini

diterangkan berdasarkan hasil temu bual dengan informan. Akhirnya dibincangkan penutup iaitu berkaitan nilai teladan ibu bapa dalam pembentukan anak-anak cinta masjid.

2. Latar Belakang

Nilai teladan daripada ibu bapa penting dalam pembentukan anak-anak. Ia dapat ditonjolkan dari aspek perkataan dan perbuatan. Nilai teladan dari aspek perkataan melalui percakapan yang baik manakala dari aspek perbuatan adalah gerak-geri yang dilakukan oleh ibu bapa. Ini dapat dilihat oleh anak-anak sama ada dari segi ibadah atau sebagainya. Dalam ibadah, ibu bapa memperlihatkan ketaatan dengan melaksanakan solat, membaca al-Quran, bersedakah dan sebagainya. Seterusnya, ibu bapa mengajar dan membiasakan ibadah tersebut kepada anak-anak (al-Qahthani 2015). Justeru, setiap ibu bapa dapat mendidik anak-anak tentang disiplin dan kepatuhan terhadap semua hukum Allah SWT (al-^oUlwan 1997). Suwaid (2014) menyatakan bahawa teladan yang baik boleh diperoleh daripada Rasulullah SAW melalui ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah SWT dalam melaksanakan solat malam. Perbuatan baginda telah dilihat oleh Ibn ^oAbbas RA ketika masih kecil, lalu beliau terus meniru dan mengikuti baginda sebagaimana hadis berikut:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّهُ بَاتَ عِنْدَ خَالَتِهِ مَيْمُونَةَ، " فَفَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ اللَّيْلِ، فَتَوَضَّأَ مِنْ سَنٍّ مُعَلَّقِي وَضُوءًا خَفِيفًا، قَالَ: وَصَفْتُ وَضُوءَهُ، وَجَعَلَ يُخَفِّفُهُ وَيُقَلِّلُهُ، قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: فَفَعَّمْتُ فَصَنَعْتُ مِثْلَ مَا صَنَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ جِئْتُ فَفَعَّمْتُ عَنْ يَسَارِهِ، فَأَخْلَفَنِي فَجَعَلَنِي عَنْ يَمِينِهِ فَصَلَّى

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Abbās RA bahawasanya beliau menginap di rumah ibu saudaranya, Maymūnah. Rasulullah SAW bangun pada waktu malam lalu berwuduk daripada kendi yang tergantung dengan wuduk yang ringan. (Ibn ‘Abbās) RA berkata: “Beliau mensifatkan wuduk Baginda SAW dilakukan dengan ringkas dan sedikit air.” Ibn ‘Abbās RA berkata: “Maka saya juga bangun dan melakukan perkara yang sama seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Kemudian saya datang (kepadanya) dan berdiri di sebelah kirinya. Namun, Baginda SAW menarikku dan meletakkanku di samping kanannya, kemudian Baginda SAW solat...”

(Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn wa Qaṣrīhā, Bāb al-Du‘ā’ fī Ṣalāh al-Layl wa Qiyāmih, No. Hadis 763)

Manakala Tuti Alawiyah (2017) menjelaskan tentang keluarga Nabi Ibrahim AS sebagai model keluarga teladan berkaitan ibadah haji. Nabi Ibrahim AS sanggup melaksanakannya demi ketaatan baginda terhadap perintah Allah SWT. Justeru, nilai teladan melalui ibadah boleh diaplikasikan oleh ibu bapa seperti mengerjakan solat lima waktu,

membaca al-Quran, berjemaah di masjid dan berpuasa di bulan Ramadan. Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa yang selalu solat berjemaah akan melahirkan anak-anak yang sentiasa solat berjemaah. Di samping itu, solat berjemaah adalah salah satu cara untuk mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga, meningkatkan kemesraan dan keakraban antara ibu bapa dan anak-anak. Begitu juga dengan ibadah puasa, melazimkan diri membaca al-Quran mempunyai impak positif terhadap anak-anak (Suwaid 2014; Saat 2011; Hanifah 2010).

Sehubungan dengan itu, didapati bahawa ibadah yang dilakukan dapat mendidik anak-anak untuk berakhlak mulia apabila ibadah tersebut diamalkan sejak kecil. Hal ini kerana anak-anak memiliki kemampuan untuk menanggapi pemahaman dengan lebih kuat dan kukuh menerusi daya ingatan (Marfuah Sri Sanityastuti, Yani Tri Wijayanti & Alip Kunandar 2015). Perkara ini turut diakui oleh Rahmawati dan Nuragmi (2018) bahawa anak-anak yang selalu melihat ibu bapa mengerjakan solat, puasa, zikir, bersedekah dan lain-lain mempunyai akhlak yang berbeza dengan anak-anak yang biasa melihat ibu bapa pergi ke tempat perjudian, disko, meminum arak dan sebagainya.

Oleh yang demikian, kajian Maznah et al (2019) menunjukkan terdapat tiga ciri utama ketidakfungsian keluarga remaja perempuan yang tidak terkawal iaitu (i) sosioekonomi yang rendah; (ii) gaya keibubapaan tidak bersesuaian; dan (iii) tiada nilai teladan yang baik dalam keluarga. Oleh itu, intervensi berasaskan keluarga, pemerkasaan remaja dan keluarga serta nilai-nilai murni, moral dan kerohanian perlu ditingkatkan

Justeru, peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak melaksanakan solat amat diperlukan dengan cara memberikan contoh atau mengaplikasikan cara solat yang betul kerana anak-anak selalu meniru dan megamalkan apa yang dilihat dalam lingkungannya. Oleh itu, dengan memberikan contoh secara langsung diharapkan anak-anak terbiasa menjalankan solat tanpa disuruh oleh ibu bapanya (Faridayanti et 2020)

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian fenomenologi bagi memperoleh data. Pendekatan penyelidikan kualitatif digunakan dalam menghasilkan artikel ini. Ini bermaksud reka bentuk ini digunakan bagi membuat struktur keputusan bermula daripada masalah penyelidikan, persoalan kajian, memilih metodologi untuk sampai pada kesimpulan (Janja 2016). Tujuan kajian kualitatif adalah dari sisi posisi pengkaji, mengumpulkan makna, membawa nilai seseorang ke dalam pengajian, memfokuskan ke atas sesuatu konsep atau fenomena, membuat agenda untuk perubahan atau pertukaran, berkerjasama dengan peserta dan sebagainya.

Bentuk kajian ini memfokuskan kepada struktur atau pengalaman seseorang sebagaimana yang dialami oleh seseorang individu. Pendekatan ini dipilih kerana melihat pelbagai pengalaman yang boleh diterokai dengan menggunakan kaedah deskriptif fenomenologi. Menurut Othman (2015), fenomenologi adalah memfokuskan kepada pengalaman harian

yang membentuk dan mempengaruhi perilaku manusia berdasarkan peristiwa yang dialami. Pendekatan fenomenologi bertujuan bagi memahami subjek kajian melalui perspektif dan pandangan manusia. Manusia selalu melakukan refleksi terhadap apa yang mereka lalui. Sesuatu fenomena perlu diteliti dengan mendalam agar dapat melihat makna yang terkandung di sebaliknya. Oleh itu, ahli penyelidik fenomenologi berusaha memahami sesuatu maksud daripada sesuatu kejadian. Bahkan pengalaman berbeza yang dialami oleh seseorang menunjukkan kewujudan lebih satu ‘realiti’ (Noraini 2010).

Pensampelan bukan kebarangkalian melalui jenis pensampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan dalam kajian ini. Peserta kajian adalah daripada kalangan ibu bapa yang mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana ciri-ciri fleksibiliti sesuai dalam meneroka dan mengkaji makna di sebalik pengalaman personal peserta kajian (Kamarul Azmi 2010). Pengkaji sebagai instrumen kajian dalam mendapatkan pemahaman yang lebih baik bagi menginterpretasikan data (Zetty Nurzuliana 2016).

Bagian ini memberi tumpuan kepada beberapa aspek mengenai latar mereka. Jadual profil peserta kajian adalah seperti Jadual 1.0.

Jadual 1.0 Latar Belakang Peserta Kajian

PK	Jantina		Umur	Pengalaman Mendidik Anak-Anak
	Lelaki	Perempuan		
PK 1		√	47	20 tahun
PK 2	√		50	22 tahun
PK 3		√	54	29 tahun
PK 4		√	48	22 tahun
PK 5		√	45	19 tahun
PK 6		√	46	17 tahun
PK 7		√	50	24 tahun
PK 8	√		51	24 tahun
PK 9		√	43	17 tahun
PK 10	√		43	17 tahun
PK 11		√	46	21 tahun

Sumber: Data kajian 2021

Seramai 11 orang peserta kajian (PK) telah menyertai kajian ini. Profil jantina menunjukkan bahawa 4 orang daripada mereka adalah terdiri daripada golongan bapa dan 7

orang mewakili bagi golongan ibu. Pemilihan mereka berdasarkan pensampelan bertujuan dan kesediaan untuk melibatkan diri dalam kajian. Profil umur PK menunjukkan majoriti peserta kajian adalah berumur 40 ke atas.. Gambaran umur pada PK 1-PK 11 adalah umur ibu bapa antara 43 hingga 54.


Dari sudut pengalaman mendidik anak-anak, PK memiliki pengalaman dalam mendidik anak-anak melebihi 10 tahun (PK 5, PK 6, PK 9, PK 10). Manakala PK 1, PK 2, PK 3, PK 4, PK 7, PK 8 dan PK 11) berpengalaman mendidik anak melebihi 20 tahun. Profil pengalaman mendidik anak-anak antara PK menampakkan bahawa peserta kajian mempunyai pengalaman yang luas dalam mendidik anak-anak. Hal ini menguatkan lagi kebolehpercayaan dan generalisasi dapatan.

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah temu bual kumpulan fokus bagi menjawab objektif kajian. Jenis soalan temu bual yang digunakan oleh pengkaji kepada peserta kajian adalah semi berstruktur. Ia merupakan data kualitatif yang utama. Temu bual merupakan kaedah yang terbaik untuk mengumpulkan maklumat-maklumat kajian dan memberi kebebasan kepada peserta kajian dalam menyuarakan pandangan dan cadangan untuk penambahbaikan kajian ini. Jawapan daripada peserta kajian adalah terbuka tanpa terikat dengan jawapan pilihan. Kaedah temu bual bertujuan berdasarkan kriteria yang ditetapkan adalah memberi rangsangan kepada peserta kajian supaya maklumat yang dikumpulkan daripada mereka dapat dibezakan dengan tepat. Soalan-soalan temu bual dibina perlu selaras dengan objektif kajian (Chua 2014).

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah analisis secara tematik iaitu dengan meletakkan tema yang sesuai ke atas data yang telah ditranskrip. Analisis tematik merupakan satu cara untuk mengenal pasti tema-tema yang terbentuk dalam sesuatu keadaan atau isu dan meneliti tema-tema penting yang muncul daripada dapatan tersebut (Noraini 2019).

4. Dapatan

Nilai teladan dari aspek ibadah yang dilakukan oleh ibu bapa seperti solat berjemaah sama ada di rumah atau masjid dan pembacaan al-Quran, mathurat, doa dan wirid-wirid harian menjadi rutin dalam kehidupan seharian. Hal ini memberi impak yang besar kerana anak-anak kerana anak-anak melihat amalan tersebut dilakukan di hadapan mereka. Secara tidak langsung, memberi contoh yang terbaik kepada anak-anak (Muthmainah, & Usman, A. H. 2022). Nilai teladan ibu bapa yang ditonjolkan adalah amalan solat berjemaah, membawa anak-anak ke masjid dan surau, melibatkan anak-anak dengan tugas kerja ibu bapa dan kebersamaan ibu bapa dan anak-anak dapat membentuk anak-anak cinta masjid



Rajah 1.0 Nilai teladan ibu bapa Dalam Pembentukan Anak-Anak Cinta Masjid

Amalan solat berjamaah

Peserta kajian menyatakan bahawa nilai teladan kepada anak-anak ditunjukkan melalui ibadah tertentu seperti solat berjamaah sama ada di rumah atau di surau, puasa, pembacaan al-Quran, *mathurat*, doa, zikir dan wirid-wirid harian. (Salleh, N. M. et. al (2015). Hal ini seperti yang dilakukan oleh PK 6, PK 8, PK 9 dan PK 10. PK 10 menyebut

“... dakwah *bil hal*. Lepas solat, mesti peluk anak” (PK 10).

Nilai-nilai teladan tersebut ditunjukkan dengan penuh kasih sayang walaupun dalam waktu yang terbatas disebabkan kesibukan bekerja. Masa yang berkualiti yang wujud

dalam keluarga adalah selepas solat (Zaman, B. (2017). Hali ini sebagaimana yang diamalkan oleh PK 8.

“... kami juga mengamalkan solat jemaah. Solat berjemaah selepas itu, *quality time* biasanya selepas sembahyang subuh kita ada banyak perbincangan”.

Didapati PK 9 amat menekankan kepada anak-anaknya dalam pengajian al-Quran bahkan suaminya sendiri yang mengajar anak-anak untuk menguasai al-Quran.

“... ngaji Quran, kami tekankan sendiri. dia orang ngaji dengan ustaz sendiri, tapi yang betul yang dengan saya la. Cuma nak konsisten setiap malam saya ni lah tapi dia orang kena konsisten setiap hari lah ngaji. Kalau saya tak da, ustaz. Kalau tak Zi (pembantu peribadi), kalau tak, kakak dia”.

Sehubungan dengan itu, PK 11 berpendapat bahawa ibu bapa menjadi contoh teladan kepada anak-anak termasuk dalam amalan sunat seperti solat dhuha. Ibu bapa menunaikan solat dhuha dan mengharapkan agar anak-anak akan turut melakukan ibadah tersebut. “... kita kena *qudwah* mak ayah tu lah, baru anak nak *communicate* pun *communicate* lah, tapi kalau mak ayah, contoh solat dhuhalah kan, kita suka cari masa solat dhuha, anak-anak akan nampak kan, *indirect* kita harap depa pun buatlah kan”.

Membawa Anak-Anak ke Masjid dan Surau

Membawa Anak-Anak ke Masjid dan Surau yang dilakukan oleh ibu bapa , dapat memberi impak positif kerana anak-anak melihat ibadah yang dilakukan oleh ibu bapa mereka seharian. Bagi anak-anak lelaki, ayahnya selalu membawa anak-anak ke surau. Manakala ibunya pula membawa anak-anak mengikuti program ceramah. Di samping itu, ayahnya suka melakukan aktiviti mengeratkan ukhuwah sesama ahli keluarga selepas solat dengan zikir dan berpegangan tangan antara satu sama lain.

“... kalau anak lelaki ni ustaz lah yang banyak bawa ke surau lah ape lah. Saya banyak bawa yang saya punya (ceramah)”.

“... ustaz suka lepas solat, zikir, pegang tangan semua. Padahal tak de orang buat pun, kita buat je. Zikir tu pegang tangan dalam bulatan. Nanti dia orang main lah macam tu. Pegang tangan kan dari kecil lagi”.

Malah PK 6 juga menegaskan bahawa ibu bapa perlu mengamalkan ibadah solat, berpuasa, membaca al-Quran, *mathurat* dan wirid-wirid harian secara istiqamah bagi memperlihatkan

kepada anak-anak agar ia menjadi rutin harian walaupun anak-anak mereka mengamalkan pada tahap minimum sahaja.

“... solat, berpuasa, baca al-Quran, mathurat, wirid-wirid harian. Kadang-kadang dia *follow*, kadang-kadang dia tak *follow* yang penting kita suami isteri perlu buat istiqamah, kalau tak dapat buat hari-hari dalam seminggu buat tiga kali pun dah cantik”.

Penyataan ini selari dengan Heru Juabdin Sada (2015), Suwaid (2014) dan Ina Siti Julaha (2014) yang menyatakan bahawa anak-anak melihat ibu bapa melaksanakan ibadah seperti solat berjemaah di surau, membaca al-Quran dan sebagainya. Ani Maghfiroh (2007) mendapati bahawa nilai teladan yang baik dapat meneladani adat kebiasaan dan akhlak yang baik. Menurut Syed Mohammad Hilmi & Annuar (2021), solat dan zikir menjadi suatu asas terapi kepada anak-anak. Hal ini dapat dilihat signifikan dalam membendung mereka daripada tekanan dan berperilaku di luar jangkaan. Pengaplikasiannya juga dapat menenangkan anak-anak dalam menghadapi sesuatu keadaan. Terapi Islamik ini bertepatan dengan kaedah 10B Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu beribadat dapat membantu anak-anak daripada melayan tekanan perasaan dan melakukan tindak balas luar kawalan yang negatif.

Disamping itu pengurusan dalam keluarga perlu baik seperti yang dibincangkan oleh Rosalia Debby Endrianti (2016) iaitu ibu bapa boleh menguruskan keluarga secara bijaksana dan bersesuaian dengan ajaran Allah SWT untuk mencapai kebahagiaan dalam hidup. Chatia, Suranto dan Mami (2018) pula berpandangan bahawa tingkah laku anak-anak dipengaruhi oleh kebiasaan pola komunikasi yang berlaku dalam keluarga. Pengurusan yang baik dan seimbang mampu menghasilkan produktiviti yang baik (Naemah et al. 2015). Keluarga yang ideal adalah ibu bapa yang berperanan secara aktif dalam pengurusan rumah tangga dan pendidikan anak-anak (Amran, Fatimah & Khadijah 2014; Muammar Qadafi 2019).

Kebersamaan

Nilai teladan dengan menyantuni anak-anak melalui kebersamaan juga menjadi aspek penting bagi marapatkan ukhwah sesama ahli keluarga. PK 5 menyatakan bahawa peluang untuk bersama dengan anak-anak amat bermakna. Oleh itu, setiap ibu bapa disarankan untuk mengambil peluang tersebut

“... ambil lah peluang bersama anak-anak untuk bersama” (PK 5).

Ibu bapa bijak memilih waktu kebersamaan yang bersesuaian seperti berkumpul bersama sebulan sekali, makan bersama-sama, melakukan aktiviti sosial bersama-sama, belajar al-Quran bersama-sama dan solat berjemaah bersama-sama serta meluangkan masa bersama ketika dalam perjalanan. Dalam menentukan waktu untuk bersama keluarga, PK 3

berpendapat bahawa ibu bapa perlu bijak memilih waktu yang bersesuaian mengikut keadaan keluarga masing-masing agar ibu bapa dapat meluangkan masa bersama anak-anak. Masa yang berkualiti dimanfaatkan sebaiknya untuk bersama keluarga sebagaimana pernyataan berikut

“... kita kena kreatif cari masa bersama dengan anak-anak” (PK 3).

Amalan kebersamaan yang diamalkan boleh mengukuhkan lagi hubungan antara ibu bapa dan anak-anak. Ibu bapa dan anak-anak boleh merancang aktiviti dan membuat keputusan bersama-sama. Anak-anak merasakan diri mereka dihargai dan melihat kebaikan tutur kata dan perbuatan ibu bapa mereka. Azyiah (2016) menyatakan bahawa ibu bapa boleh memanfaatkan masa lapang bersama anak-anak dengan pengisian aktiviti-aktiviti yang dapat mengukuhkan hubungan sesama ahli keluarga. Hacek (2017) berpandangan bahawa orientasi perbualan dalam keluarga adalah untuk meluangkan banyak masa bersama-sama bagi membolehkan ahli keluarga berkongsi fikiran dan melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama. Tujuan melakukan aktiviti bersama-sama adalah untuk mengeratkan lagi hubungan sesama ahli keluarga. Justeru, ibu bapa perlu kreatif dalam mencari ruang dan peluang untuk meluangkan masa bersama keluarga, terutama anak-anak, bagi mengukuhkan lagi hubungan kekeluargaan.

Hal ini bertepatan dengan kajian Azyiah (2011) yang mendapati bahawa ibu bapa yang meluangkan banyak masa untuk melakukan aktiviti bersama-sama lebih mesra dengan anak-anak. Kajian Jamiah et al. (2013) juga mendapati bahawa kerja berpasukan dapat merapatkan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak serta keluarga besar. Penjelasan ini menyokong pernyataan Fitzpatrick dan Koerner (2002) dan Sillars et al. (2014) bahawa keluarga yang bahagia banyak menghabiskan masa untuk berinteraksi sesama mereka, merancang aktiviti secara bersama dan membuat keputusan bersama-sama. Oleh itu, perbincangan sesama ahli keluarga dilakukan sebelum membuat sesuatu keputusan bersama-sama dengan mengambil kira pandangan dan pendapat semua ahli keluarga, termasuk anak-anak yang digalakkan untuk meluahkan emosi dan berkongsi pendapat. Hal tersebut dapat mengekalkan keharmonian dalam keluarga (Che Hasniza & Fatimah 2011). Oleh yang demikian, kekuatan sesebuah keluarga antaranya adalah disebabkan oleh penglibatan ibu bapa dalam meluangkan masa bersama anak-anak, kerja berpasukan dan makan bersama (Amran 2014; Azizi, Halimah & Zuhaimy 2012).

Perkara ibadah yang diamalkan oleh ibu bapa adalah melaksanakan solat berjemaah sama ada di masjid atau di rumah dan membaca al-Quran bersama-sama. Selain itu, aktiviti sosial seperti menghadiri kenduri, hari keluarga dan aktiviti bersama dengan anak-anak di rumah dan membawa anak-anak gotong royong di masjid dan surau berdekatan memberi impak positif dalam diri anak-anak. Kebersamaan dalam keluarga penting kerana dapat memberi pemahaman kepada anak-anak berkaitan tugas ibu bapa mereka di samping mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Waktu yang kebiasaannya menjadi pilihan ibu bapa adalah berkumpul bersama, belajar bersama-sama, makan bersama-sama, melakukan aktiviti sosial bersama-sama, belajar al-Quran bersama-sama dan solat berjemaah bersama-sama serta meluangkan masa bersama ketika dalam perjalanan.

5. Penutup

Nilai teladan yang ditunjukkan oleh ibu bapa mempengaruhi ibadah dan akhlak anak-anak. Oleh itu amalan solat berjamaah, membawa anak-anak ke masjid dan surau, melibatkan anak-anak dengan tugas kerja ibu bapa dan kebersamaan ibu bapa dan anak-anak dapat membentuk anak-anak cinta masjid. Anak-anak dapat melihat perbuatan ibu bapa mereka sama ada memahami atau sebaliknya. Oleh itu, ibu bapa perlu menanamkan amalan yang baik dalam kehidupan anak-anak. Nilai teladan ibu bapa yang sentiasa dekat dengan masjid, sentiasa mengimarahkan masjid dan surau dapat membentuk anak-anak agar cinta kepada masjid. Anak-anak secara tidak langsung akan mengikuti apa yang dilakukan oleh ibu bapa mereka. Di samping juga, kebersamaan ibu apa yang sering ke masjid bersama anak-anak dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan. Kebersamaan dalam keluarga penting kerana dapat memberi pemahaman kepada anak-anak berkaitan tugas ibu bapa mereka di samping mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Hal ini dapat memupuk rasa tanggungjawab dan membentuk keluarga muslim yang harmoni serta dirahmati Allah SWT.

6. Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2022. No. Geran: FRGS/1/2022/SS13/KUIS/03/5, Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk 'Model Komunikasi Ibu Bapa Muslim dalam Acuan Keluarga Malaysia'.

7. Rujukan

- Amran Hassan. 2014. Hubungan kemahiran keibubapaan & kefungsi keluarga terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibu bapa dan anak. Tesis Dr. Fal, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amran Hassan, Fatimah Yusoff & Khadijah Alavi. 2014. Pengaruh faktor kesepaduan (kefungsi keluarga) dan kemahiran keibubapaan terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibu bapa dan anak. *Sains Humanika* 3(1): 99–105.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip & Zuhaimy Ismail. 2012. *Teknik Berkesan Mendidik Anak. Skudai*: Penerbit Teknologi Malaysia.
- Ani Maslihatul Maghfiroh. 2007. Nilai-nilai edukatif pada kisah Nabi Nuh AS dalam Surat Nuh. Tesis Sarjana, Tarbiyah Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi agama Islam Negeri (STAIN) Salatiga.
- Aziyah Abu Bakar, Asyraf Afthanorhan, Mohd Nazri Ibrahim, Abd Rauf Ridzuan & Dzaa

- Imma Abdul Latif. 2016. Penilaian model pola komunikasi keluarga menerusi Analisis Faktor Pengesahan (AFP): kajian di Malaysia. *Forum Komunikasi* 11(1): 39–64.
- Aziyah Abu Bakar & Asyraf Afthanorhan. 2016. Confirmatory factor analysis on family communication patterns measurement. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 219: 33–40.
- Che Hasniza Che Noh & Fatimah Yusoooff. 2011. Corak komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari* 3(2): 45–62.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design*. 4th Edisi . California: SAGE Publications
- Chua, Y. P. 2014. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Chatia Hastasari, Suranto Aw & Mami Hajaroh. 2018. Pola komunikasi keluarga dalam mencegah kenakalan pelajar SMA di Kota Yogyakarta. *Informasi :Kajian Ilmu Komunikasi* 48(2): 155–168.
- Faridayanti,, Joni, Vigi Indah Permatasari. 2020. Peran Orangtua Dalam Menanamkan Ibadah Shalat Pada Anak Usia Dini Di Desa Gerbang Sari, Kecamatan Tapung Hilir Kabupaten Kampar. *JOTE Journal On Teacher Education*. Volume 2. Nomor 1: 125–136.
- Fitzpatrick M.A. & Koerner F. A (2002). Understanding Family Communication Patterns and Family Functioning: The Roles of Conversation Orientation and Conformity Orientation. 36–39. <https://doi.org/10.1080/23808985.2002.11679010>
- Hanifah Sazali. 2010. Pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an: pelaksanaan di pusat pendidikan pra sekolah di Bandar Triang, Pahang. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Heru Juabdin Sada. 2015. Konsep pembentukan kepribadian anak dalam perspektif al-Qur'an. *Al-Tadzkiyyah: Jurnal Pendidikan Islam* 6 (November): 253–272.
- Hacek, J. 2017. Rodinné komunikačné vzorce family communication patterns. *Psychologie a její kontexty* 8(1): 19–30.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design*. 4th Edisi . California: SAGE Publications.
- Ina Siti Julaeha . 2014. Keteladanan Orang Tua Dalam Mendidik Anak Menurut Abdullah Nasih 'Ulwan. Tesis Sarjana Muda. Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta
- Jamiah Manap, Sidek Baba, Nik Suryani Nik Ab. Rahman & Haniza Rais. 2013. Pendekatan komunikasi keibubapaan dalam keluarga mithali. *Journal Of Human Development dan Communication* 2: 73–87.

- Janja, M. 2016. Understanding pedagogical content knowlegde from Islamic epistemology among muslimeducator in Tanzania. Tesis Dr Fal, Universiti Putra Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: satu kajian kes. Tesis Dr Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslim, Abu Husain Muslim ibni al-Hajaj Qushayri al-Nisaburi. 1330H. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Tab'ah al-Āmirah: Dār al-Khulāfah al-ʿAliyah.
- Marfuah Sri Sanityastuti, Yani Tri Wijayanti & Alip Kunandar. 2015. Pola Komunikasi Keluarga dalam Membangun Akhlakul Karimah. *Channel Jurnal Komunikasi* 3(2): 113-122..
- Maznah Othman, Norulhuda Sarnon, & Ezarina Zakaria , 2019. Meneroka Kefungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal Yang Dirujuk Ibu Bapa Untuk Intervensi Kerja Sosial. E -BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 16 (9). pp. 86-101
- Muammar Qadafi. 2019. Kolaborasi guru dan orang tua dalam mengembangkan aspek moral agama anak usia dini. *Pendidikan Anak* 5(1): 1–19.
- Muhamad Zaki Zainuddin (2022). Pengaruh Pengetahuan Akidah Terhadap Amalan Solat Fardu: Tinjauan Terhadap Pelajar Sekolah Menengah Daerah Seremban, Negeri Sembilan.E-Proceeding Conference: International Seminar on Islam and Science 2022 (SAIS2022)
- Mohd Zaliridzal Zakaria. 2018. Exploring experiences of counselors in crisis intervention of natural disasters in Malaysia. Tesis Dr. Fal, FPP, Universiti Putra Malaysia.
- Muthmainah, & Usman, A. H. (2022). Family support for young Ḥāfiẓ Al-Qur'ān . *Journal of Early Childhood Care and Education*, 5(1), 27–44.
<https://doi.org/10.26555/jecce.v5i1.5974>
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Noraini Mohamad. 2019. Pendekatan pengajaran berasaskan manhaj al-tadarruj kepada saudara baharu di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Naemah Hamzah, Ismail Mustari & Bushrah Mohd Basiron. 2015. Model Pendidikan Kerohanian Terhadap Anak-anak dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. *GJAT* 5(1): 105–117..
- Othman Lebar. 2015. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Al-Qahthani, Sa'īd Ali Wahf. 2015. *Panduan Lengkap Tarbiyatul Aulad*. Terj. Solo: Zamzam.

- Rahmawati & Muragmi Gazali. 2018. Pola komunikasi dalam keluarga. *al-Munzir* 11(2): 163–181.
- Rosalia Debby Endrianti. 2016. Pengelolaan keuangan keluarga secara Islam pada keluarga Muslim etnis Padang dan Makassar di Surabaya. *Ekonomi Syariah Teori dan Terapan* 3(7): 549–560.
- Suwaid, Muhammad Nur °Abdul Hafiz. 2014. *Prophetic Parenting Cara Nabi SAW Mendidik Anak*. Terj. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Saat Sulaiman. 2011. *Tips Menjadi Ibu Bapa Mithali*. Batu Caves: PTS Millenia Sdn Bhd.
- Salleh, N. M., Tamuri, A. H., Usman, A. H., Haridi, N. H. M., & Zabidi, M. M. (2015). The internalization of islamic creed among the Muslim adolescents in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(6), S4.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman & Anuar Ramadhon Kasa @Muhyiddin. 2021. Pengurusan stres anak-anak menurut perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 205-215
- Sillars, A., Holman, A. J., Richards, A., Jacobs, K. A., Koerner, A. & Reynolds-Dyk, A. 2014. Conversation and conformity orientations as predictors of observed conflict tactics in parent-adolescent discussions. *Journal of Family Communication* 14(1): 16–31.
- Tuti Alawiyah. 2017. Idealita keluarga Ibrahim A.S. dalam perspektif Tafsir Fi Zhilalil Qur'an. Tesis Sarjana, Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, Fakultas Ushuluddin, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- °Ulwan, °Abdullah Nasih. 1997. *Tarbiah al-Awlad fi al-Islam*. Mansurah: Dar al Salam.
- Zetty Nurzuliana Rashed. 2016. Amalan Pengintegrasian Ilmu sains & al-quran dalam pengajaran pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. Tesis Dr. Fal, Fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaman, B. (2017). The role of career women on children's worship education in Boyolali. MUDARRISA: Jurnal Kajian Pendidikan Islam, 9(1), 74-96. <https://doi.org/10.18326/mdr.v9i1.74-96>